

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

---

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 06 OKTOBER 2021

---

KERATAN AKHBAR

## 50 alat penyerap minyak diletakkan di Sungai Balak halang pencemaran



### Lagi sungai tercemar

LEMBAGA Urus Air Selangor (LUAS) menggunakan peralatan menyerap minyak marjerin dari kilang pembuatan bahan roti di Kampung Baru Balakong, Cheras, Selangor yang memasuki Sungai Balak semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID (Berita di muka 32)

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

---



**SEBANYAK 50** alat penyerap diletakkan bagi menyekat efluen minyak dari terus mengalir di Sungai Balak, Balakong, Cheras, Selangor.

**SHAH ALAM:** Sebanyak 50 alat penyerap minyak (*Oil Pad* dan dua *Oil Boom*) diletakkan bagi menghalang pencemaran minyak marjerin di Sungai Balak yang mengalir keluar dari sebuah tangki dekat kilang pembuatan bahan roti di Kampung Baru Balakong, Cheras, Selangor.

Tindakan itu diambil selepas pensampelan air dibuat dan mengesan pelepasan efluen minyak berlaku di sungai terbabit dan hasil analisis oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), terdapat kesan dan bau halus minyak masak dikesan.

Menurut Exco Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian, langkah proaktif diambil Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) sejak malam semalam bagi mengelakkan pencemaran berkenaan memberi kesan ke-

pada Sungai Langat dan menghentikan sementara operasi Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Tampoi.

"Siasatan awal mendapati, terdapat bau minyak masak dikesan di Sungai Balak. LUAS juga menemui sisa minyak di dalam aliran yang dilaporkan berlaku pelepasan efluen akhir dari premis dan bertemu Sungai Balak.

"Jarak dari lokasi pencemaran ke muka sauk LRA Semenyih 2 adalah 16 kilometer (km), LRA Bukit Tampoi 24.5 km dan LRA Labohan Dagang adalah 36 km," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau menambah, bagaimanapun, pensampelan ujian bau yang dijalankan LUAS di Sungai Langat di Jambatan Kampung Teras Jernang dan LRA Bukit Tampoi mencatatkan bacaan sifar (0) ton dan aliran sungai dalam keadaan normal.